



## KENYATAAN MEDIA

### MAKLUMBALAS JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF MALAYSIA) BERHUBUNG SIARAN BERITA AKHBAR TEMPATAN DI SABAH “APMM SALAHKAN JABATAN PERIKANAN” BERTARIKH 1 NOV 2018

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF Malaysia) menyangkal dakwaan mengenai “**KELONGGARAN/FLEKSIBILITI**” di mana pengeluaran lesen vesel dan alat penangkapan ikan laut dalam adalah berdasarkan kepada pengukuran fizikal vesel dan kami **TIDAK** memberikan sebarang kelonggaran atau fleksibiliti mengenainya.
2. Semua permohonan permit lesen laut dalam bagi lesen perikanan laut dalam yang beroperasi lebih 30 batu nautika adalah di bawah bidangkuasa DOF Malaysia yang diturun kuasa kepada DOF Sabah melalui peruntukan pelesenan vesel menangkap ikan laut dalam di dalam Akta Perikanan 1985.
3. Penggunaan kru asing yang digunakan atas vesel penangkapan ikan laut dalam harus mendapat kebenaran daripada DOF Sabah.
4. Semua vesel penangkapan ikan laut dalam dipasang dengan MTU / VMS dan juga Plat Penanda Khas DOF Sabah (QR Code).
5. Pemilik vesel-vesel penangkapan ikan laut dalam di Sabah semuanya adalah warganegara Malaysia.
6. Bagi tujuan pembaharuan lesen vesel dan alat penangkapan ikan laut dalam, pemeriksaan wajib dilakukan secara fizikal ke atas vesel-vesel tersebut bagi memastikan vesel adalah vesel yang asal iaitu tidak diubahsuai atau ditukar.
7. Setiap vesel penangkapan ikan laut dalam dikehendaki melaporkan pendaratan ikan atau *Landing of Vessel* (LOV) kepada DOF Sabah setiap kali mendarat.

8. Vesel-vesel penangkapan ikan laut dalam hanya dibenarkan menangkap ikan pada jarak 30 batu nautika ke atas di dua zon iaitu Zon Pantai Barat dan Zon Tawau. Ini Bermakna vesel-vesel ini tidak boleh beroperasi di Zon Pantai Timur (Sandakan).

9. DOF Sabah mempunyai kerjasama yang padu dengan APMM melalui pelbagai jawatankuasa peringkat antarabangsa dan tempatan melibatkan mesyuarat, taklimat khas, pemeriksaan alat menangkap ikan dan berkenaan isu-isu pelesenan perikanan serta penguatkuasaan bersama dengan pihak APMM

**####**

## **JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

2 November 2018 (Jumaat) jam 11 pagi

---

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)  
          : 013-631 7313 (Mohd Sharir)  
Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my